



**HADIAH...**Dr. Murnizam menyampaikan hadiah kepada Juin diperhatikan Abdul Hamid dan Annuar serta Elfieezal (kiri sekali).

## juara Memancing Pesisir Pantai Tamu Gadang UMS Labuan

**INUDIN DJIMIN**

Peserta dari Sinapokan, Menumbok dan Jinin muncul johan Pertandingan Mesisir Pantai sempena Pesta Tamu Gadang ersiti Malaysia Sabah, Kampus Antaran-uan (UMSKAL) 2016 yang diadakan di SKAL pada Sabtu lalu. yang berjaya menaikkan ikan pari seberat

0.990 kilogram meraih hadiah wang tunai RM1,000 dan sijil.

Naib johan dimenangi Abdul Hamid Jinin dari Kampung Bukit Kalam, Wilayah Persekutuan Labuan dengan tangkapan ikan Berusak seberat 0.380 kg untuk membawa pulang hadiah wang tunai RM500.

Manakala tempat ketiga dimenangi oleh Annuar Hamid Dari Taman Mutiara Labuan dengan hasil

tangkapan ikan pari seberat 0.320 kg. sekaligus membawa pulang hadiah wang tunai RM300 dan sijil.

Seramai 78 peserta dari dalam dan luar Wilayah Persekutuan Labuan menyertai pertandingan itu bagi kategori Rod Moden.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik menyampaikan hadiah kepada pemenang. Turut hadir penyelaras program, Elfieezal Jakol.